



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

SELASA, 14 NOVEMBER 2023

LAPORAN HARIAN





UKK KPWKM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
1	COMPULSORY FOR NURSERY OWNERS TO CONTACT PARENTS OF ABSENT CHILDREN	
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/nation/2023/11/13/compulsory-for-nursery-owners-to-contact-parents-of-absent-children/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.thestar.com.my/news/nation/2023/11/13/nursery-operators-must-alert-parents-if-children-are-absent-says-nancy	THESTAR.COM.MY
	https://www.themalaysianinsight.com/index.php/s/471516	THEMALAYSIAINSIGHT.COM
	https://selangorjournal.my/2023/11/ministry-to-mandate-nurseries-contact-parents-of-absent-children/	SELANGORJOURNAL.COM
	https://thevocket.com/tadika-dan-taska-ditambah-sop-baharu-wajib-hubungi-ibu-bapa-jika-kanak-kanak-tidak-hadir-kelas	THEVOCKET.COM
	https://www.bernama.com/bm/am/news.php?id=2244011	BERNAMA.COM
	https://suarasarawak.my/hubungi-penjaga-jika-anak-tidak-hadir-di-taska/	SUARASARAWAK.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/13/operator-taska-perlu-hubungi-penjaga-jika-anak-tak-hadir-kata-nancy/	FREEMALAYSIATODAY.COM
	https://www.utusanborneo.com.my/2023/11/13/pengusaha-taska-perlu-hubungi-ibu-bapa-jika-anak-tidak-hadir-nancy	UTUSANBORNEO.COM
	https://berita.rtm.gov.my/semasa/senarai-berita-semasa/senarai-artikel/taska-perlu-hubungi-ibu-bapa-jika-anak-tidak-hadir-nancy	BERITA.RTM.GOV.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/13/operasi-taska-diwajibkan-hubungi-ibu-bapa-jika-anak-tidak-hadir/	KOSMO.COM.MY
	https://www.malaysiakini.com/news/686439	MALAYSIAKINI.COM
	https://www.sinarharian.com.my/article/634280/berita/operator-taska-perlu-hubungi-penjaga-sekiranya-anak-tidak-hadir	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2023/11/1029747/operator-taska-tadika-wajib-hubungi-ibu-bapa-jika-kanak-kanak-tidak-hadir	HMETRO.COM.MY
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/nursery-operators-must-alert-parents-if-children-are-absent-nancy-445778	ASTROAWANI.COM
	https://www.melakahariini.my/operator-taska-perlu-hubungi-penjaga-sekiranya-anak-tidak-hadir/	MELAKAHARIINI.MY
	https://www.youtube.com/watch?v=cL2_GvISXxl	YOUTUBE
	https://www.astroawani.com/berita-malaysia/operator-taska-perlu-hubungi-penjaga-sekiranya-anak-tidak-hadir-nancy-445761	ASTROAWANI.COM



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
2	PENUBUHAN TRIBUNAL AKTA ANTIGANGGUAN SEKSUAL DIHARAP DAPAT DILAKSANAKAN TAHUN INI	
	https://tvstv.my/2023/11/13/penubuhan-tribunal-akta-antigangguan-seksual-diharap-dapat-dilaksanakan-tahun-ini/?utm_source=rss&utm_medium=rss&utm_campaign=penubuhan-tribunal-akta-antigangguan-seksual-diharap-dapat-dilaksanakan-tahun-ini	TVSTV.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
3	NANCY SHUKRI: WOMEN, FAMILY AND COMMUNITY DEVELOPMENT MINISTRY TO STRENGTHEN SOPS TO PREVENT DEATHS OF CHILDREN LEFT BEHIND IN VEHICLES	
	https://www.malaymail.com/news/malaysia/2023/11/13/nancy-shukri-women-family-and-community-development-ministry-to-strengthen-sops-to-prevent-deaths-of-children-left-behind-in-vehicles/101764	MALAYMAIL.COM
	https://www.thevibes.com/articles/news/99929/banning-tinted-windows-among-proposals-received-to-prevent-hot-car-deaths	THEVIBES.COM
	https://www.dailyexpress.com.my/news/223452/ministry-to-mandate-nursery-owners-to-contact-parents-of-absent-children-to-prevent-accidental-child-deaths-in-car/	DAILYEXPRESS.COM.MY
	https://www.nst.com.my/news/nation/2023/11/977773/new-sop-introduced-ministry-stop-rising-incidents-children-left-cars	NST.COM.MY
	https://suarasarawak.my/operator-taska-wajib-hubungi-ibu-bapa-bendung-kes-anak-tertinggal-dalam-kereta/	SUARASARAWAK.MY
	https://utusanv.com/2023/11/13/taska-tadika-wajib-hubungi-ibu-bapa-bagi-elak-kes-tertinggal-dalam-kereta-nancy/	UTUSANTV.COM
	https://www.youtube.com/watch?v=76x2ki-bS4Y	YOUTUBE
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176327/pengendali-taska-tadika-wajib-hubungi-ibu-bapa-elak-kes-tertinggal	BHARIAN.COM.MY
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176422/sop-baharu-elak-anak-tertinggal-dalam-kereta-tidak-boleh-ketepikan	BHARIAN.COM.MY
	https://tvstv.my/2023/11/13/sop-taska-akan-diperketat-nancy/	TVSTV.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK



UKK KPWK

www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
4	38,000 SUKARELAWAN SV SEDIA DIGERAKKAN BANTU BANJIR DI JOHOR	
	https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/11/1176570/38000-sukarelawan-sv-sedia-digerakkan-bantu-banjir-di-johor	BHARIAN.COM.MY
	https://www.freemalaysiatoday.com/category/bahasa/tempatan/2023/11/13/38000-sukarelawan-siap-sedia-hadapi-banjir-di-johor/	FREEMALYSIATODAY.COM

BIL	PERKARA	SUMBER
5	SAYA REDA EMPAT ANAK DIJAGA ORANG LAIN	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/saya-reda-empat-anak-dijaga-orang-lain/	UTUSAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
6	DUA KEJADIAN BANJIR KILAT DALAM TEMPOH DUA BULAN DI GUA MUSANG	
	https://thesun.my/cerita/berita/dua-kejadian-banjir-kilat-dalam-tempoh-dua-bulan-di-gua-musang-MD11743348	THESUNDAILY.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
7	PASANGAN WARGA EMAS RAYU SUMBANGAN BINA RUMAH	
	https://www.utusan.com.my/nasional/2023/11/pasangan-warga-emas-rayu-sumbangan-bina-rumah/	UTUSAN.COM.MY



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

UKK KPWK



www.kpwkm.gov.my

[f](#) [t](#) [@](#) kpwkm

14/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
8	AFFINITA PERKUKUH KEBEBASAN KEWANGAN	
	https://www.hmetro.com.my/bisnes/2023/11/1029712/affinita-perkukuh-kebebasan-kewangan	HMETRO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
9	SISWA UITM SANTUNI KANAK-KANAK, BERBAKTI UNTUK PENYU	
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/13/siswa-uitm-santuni-kanak-kanak-berbakti-untuk-penyu/	KOSMO.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
10	MASIH ADA MAK AYAH TAK SAYANG ANAK	
	https://www.sinarharian.com.my/article/634258/suara-sinar/pojok/masih-ada-mak-ayah-tak-sayang-anak	SINARHARIAN.COM.MY

BIL	PERKARA	SUMBER
11	PROJEK RINTIS MMT BANTU OKU JANA PENDAPATAN	
	https://www.utusan.com.my/ekonomi/2023/11/projek-rintis-mmt-bantu-oku-jana-pendapatan/	UTUSAN.COM.MY



JKM



JPW



LPPKN



ISM



LKM



YKN

UKK KPWKM

KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT


LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my

f t @ kpwkm

14/11/2023

BIL	PERKARA	SUMBER
12	LULUH HATI IBU TUNGGAL, HARTA BENDA ROSAK AKIBAT BANJIR KILAT	
	https://www.sinarharian.com.my/article/634291/edisi/johor/luluh-hati-ibu-tunggal-harta-benda-rosak-akibat-banjir-kilat	SINARHARIAN.COM.MY
	https://www.utusan.com.my/berita/2023/11/ibu-tunggal-disambut-banjir-peralatan-rumah-rosak/	UTUSAN.COM.MY
	https://www.kosmo.com.my/2023/11/13/ibu-tunggal-pilu-rumah-sewa-ditenggelami-air-harta-benda-rosak-akibat-banjir/	KOSMO.COM.MY



TAJUK : IBU BAPA HARIS MAIN PERANAN JAYAKAN SOP BAHARU TASKA

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 06

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK M

Kes kanak-kanak tertinggal dalam kereta

Ibu bapa harus main peranan jayakan SOP baharu taska

Langkah wajibkan pengendali tadika hubungi waris jika kanak-kanak tak hadir pusat jagaan perlu kerjasama

Oleh Ilah Hafiz Aziz
illahhafiz.abdulaziz@bh.com.my

Kuala Lumpur: Peraturan baharu ditetapkan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK M) untuk pengendali taska dan tadika dalam usaha mengelak anak yang mahu dihantar ke pusat asuhan tertinggal dalam kereta, tidak boleh mengetepikan tanggungjawab sebenar ibu bapa.

Langkah mewajibkan pengu-

dali taska dan tadika segera menghubungi ibu bapa sekiranya mendapati ada anak tidak hadir ke pusat jagaan itu seperti biasa dilihat baik, tetapi ibu bapa sendiri juga harus sentiasa sedar tanggungjawab dan peranan asal mereka dalam melindungi anak.

Penasihat Mahkamah Kanak-Kanak Melaka Tengah, Sheila Abdullah yang juga bekas Presiden Persatuan Pengasuh Berdaftar Malaysia, berkata tugas menghantar serta mengambil anak dengan selamat adalah tanggungjawab ibu bapa yang perlu dilaksanakan dengan baik walau apa jua keadaan.

"Taska dan tadika pula sangat bersedia membantu tugas ibu bapa itu, termasuk dengan SOP baharu ini. Sudah pasti tidak menjadi masalah kepada pengendali pusat itu untuk membantu kerana ia juga tanggungjawab yang diamanahkan kepada mereka oleh ibu bapa.

"Namun, ibu bapa perlu sen-

Budak 2 tahun maut ditinggal lapan jam dalam kenderaan



Laporan BH
Jumaat lalu.

tiasa sedar dari mula dan tidak hanya 'letak anak di kerusi belakang' kerana anak-anak adalah amanah yang perlu dilindungi mereka tanpa mengira apa jua situasi, sama ada anda keletihan, penat atau tidak ingat," katanya kepada BH, semalam.

Minta kerjasama ibu bapa

Sheila yang juga EXCO Majlis Kebajikan Kanak-Kanak, berkata kebanyakan taska dan tadika memang sudah mempunyai SOP sedemikian dan hanya memerlukan kerjasama ibu bapa.

"Banyak taska sudah guna aplikasi tertentu untuk memudahkan urusan, malah jika SOP baharu itu ditambah, tiada masalah. Cuma, ibu bapa perlu peka dan beri kerjasama sekiranya diminta," katanya mencadangkan ibu bapa meletak kerusi keselamatan bayi di kerusi penumpang hadapan kenderaan berbanding kerusi belakang.

Bagi penjawat awam, Akmal Yahya, 37, langkah terbaharu KPWK M dilihat berkesan untuk menyelesaikan isu terbabit dengan sedikit penambahbaikan yang harus dipatuhi pengendali taska, yang tidak semua berada di pusat asuhan setiap hari.


"Ada yang mempunyai lebih daripada sebuah taska. Oleh itu, disaran wajibkan setiap guru dan pengasuh serta ibu bapa berada dalam satu kumpulan sembang WhatsApp supaya boleh tahu kemas kini keadaan terkini anak-anak.

"Ini juga dilakukan di sekolah

rendah di mana guru yang memantau ketidakhadiran murid, akan mengemas kini kumpulan WhatsApp untuk tahu status anak, termasuk tidak datang sekolah. Langkah itu sangat bagus untuk ibu bapa seperti kami," katanya.

Bapa dua anak, Ismail Taib yang amat bersetuju dengan langkah berkenaan kerana mampu mencegah kejadian tidak diinginkan, berkata ia perlu dilaksanakan setiap masa dan tidak hanya bersifat 'hangat-hangat tahi ayam'.

"Apa jua langkah pencegahan tidak boleh diambil sambil lewa. Ibu bapa wajib amal sikap 'pandang belakang' sebelum tutup pintu kereta," katanya turut dipersetujui suri rumah, Tina Shuib yang berpendapat langkah itu akan memberi impak positif kepada pengendali pusat asuhan dan ibu bapa untuk sama-sama menangani isu berkenaan," katanya.



TAJUK : PEMILIK TASKA WAJIB TELEFON IBU BAPA JIKA ANAK TIDAK HADIR

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 01&06

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

Pemilik TASKA wajib telefon ibu bapa jika anak tidak hadir

Oleh Mohd Roji Kawi
mdroji@bh.com.my

Kuching: Pengendali tadika dan taska diwajibkan segera menghubungi ibu bapa kanak-kanak yang tidak hadir ke pusat asuhan dan jagaan itu seperti biasa.

Ini peraturan baharu Kementerian Pembangunan Wanita, Kelu-

arga dan Masyarakat (KPWKM) dalam prosedur operasi standard (SOP) pengendalian taska dan tadika bagi mengelak kejadian ibu bapa tertinggal anak dalam kereta.

Menterinya, Datuk Seri Nancy Shukri, berkata langkah itu susulan kekerapan kes kanak-kanak maut selepas ibu atau bapa terlupa menghantar anak ke pusat berke-

naan dan meninggalkan mereka dalam kereta.

Selain ibu bapa, katanya, pengendali taska dan tadika juga perlu mendapatkan nombor telefon tambahan dari ahli keluarga lain bagi membolehkan tindakan segera diambil jika kecemasan.

Nasional 6

‘Banyak cadangan bukan bidang kuasa KPWKM’

Dari Muka 1

“Kementerian memperbaharui SOP pengendalian taska dan tadika susulan tiga kes kanak-kanak maut selepas tertinggal di dalam kereta dalam tempoh dua bulan ini. Operator taska dan tadika wajib menghubungi ibu atau bapa jika ada kanak-kanak tidak hadir ke kelas seperti biasa.

“Ia mungkin disebabkan salah faham, kemungkinan ibu biasanya menghantar anak, tetapi pada hari itu, tiba-tiba bapa pula yang hantar dan terlupa ke taska, sebaliknya terus ke pejabat dengan anak terkunci di dalam kereta,” katanya.

Memaklumkan perkembangan itu kepada pemberita selepas majlis malam media anjuran KPWKM dan Parlimen Santubong, di sini malam kelmarin, Nancy berkata, kementerian menerima pelbagai reaksi serta cadangan orang ramai bagi mengatasi masalah kes tertinggal anak dalam kereta.

“Bagaimanapun, banyak daripada cadangan itu bukan di bawah bidang kuasa KPWKM seperti melarang penggunaan cermin gelap pada kenderaan. Apa yang kami laksanakan ialah memperbaharui SOP taska dan tadika, yang lain seperti cermin gelap itu bidang kuasa kementerian lain,” katanya.

Rabu lalu, seorang kanak-ka-



Nancy beramah mesra dengan petugas media pada Majlis Malam Media anjuran KPWKM dan Parlimen Santubong di Kuching, malam kelmarin.
(Foto Mohd Roji Kawi/BH)

nak perempuan berusia dua tahun ditemukan meninggal dunia selepas dipercayai tertinggal dalam kereta di Ara Damansara, Petaling Jaya, Selangor.

Siasatan polis mendapati ibu mangsa menghantar dua anaknya yang lain ke sekolah pada sebelah pagi sebelum ke tadika berhampiran.

Dalam perjalanan, wanita itu berhenti seketika untuk menyelesaikan urusan perniagaan dalam talian sehingga terlupa menurunkan mangsa di pusat asu-

han berkenaan dan hanya menyedari anaknya tidak sedarkan diri dalam kereta pada sebelah petang.

Terdahulu pada 24 Oktober, bayi perempuan 16 bulan meninggal selepas ditemukan tidak sedarkan diri dalam kereta di sebuah universiti awam di Kuala Nerus, Terengganu. Bapanya dikatakan terlupa menghantar bayi itu ke pusat asuhan dalam kampus terdapat sebelum ke tempat kerja di universiti sama.

Sebelum itu pada 5 Oktober,

seorang bayi perempuan berusia lapan bulan maut selepas ditinggalkan hampir 10 jam dalam kereta ibunya dari pagi hingga petang di kawasan parkir Hospital Canselor Tuanku Muhriz (HTCM), Cheras. Ibunya yang juga doktor menyangka sudah menghantar bayi itu ke taska sebelum ke tempat kerja.

Dalam perkembangan lain, Nancy berkata, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) yang ditubuhkan pada 1 September lalu akan diletakkan di ba-


wah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 2026 bagi menyelesaikan beberapa perkara, antaranya pengisian perjawatan selain pindaan beberapa akta berkaitan.

“Bagi pengisian perjawatan, untuk tahun ini, kami mengiklankan 169 jawatan dan sudah menerima 11,000 permohonan, proses temu duga dijalankan berterusan. Untuk 2024 dan 2025 pula, 245 jawatan perlu diisi dan sebab itu, JPKK hanya akan mempunyai ketua pengarah sendiri dan keluar daripada JKM pada 2026,” katanya.

Mengenai Tribunal Antigangguan Seksual, Nancy berkata, beliau sudah berbincang dengan Peguam Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh berhubung 20 perjawatan yang perlu diisi dengan presiden, timbalan dan lima jawatan berkaitan perundangan perlu diperoleh dari Pejabat Peguam Negara.

“Jawatan lain adalah dalam kalangan penjawat yang memang menjalankan tugas berkaitan gangguan seksual. Semua perjawatan itu perlu diisi dalam tempoh sehingga akhir Disember ini.

“Kami turut memohon diwujudkan jawatan dalam tribunal untuk mewakili Sabah dan Sarawak bagi memudahkan penguurusan kes di dua negeri itu kerana tribunal berpusat di Kuala Lumpur,” katanya.



TAJUK : PERTIS MAHU OKU PENGLIHATAN KUASAI BACAAN AL-QURAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

PERTIS mahu OKU penglihatan kuasai bacaan al-Quran

Persatuan harap objektif sebar dakwah secara berterusan dapat sokongan komuniti setempat

Oleh Tuty Haryanti
Ahmad Rodzi
bhnews@bh.com.my

Kuala Lumpur: Cacat penglihatan bukan alasan untuk mengabaikan ilmu agama, terutama membaca al-Quran walaupun keadaan diri dalam serba kekurangan.

Berasakan ilmu agama satu keperluan kepada golongan itu, Persatuan Orang-Orang Cacat Islam (PERTIS) giat menjalankan aktiviti membangunkan modal insan Orang Kurang Upaya (OKU) penglihatan.

Persatuan ditubuhkan pada 1996 itu, berhasrat melahirkan OKU penglihatan mampu membaca dan menguasai al-Quran melalui al-Quran Braille.

Usaha itu turut melayakkan mereka menerima Anugerah Khas Maulidur Rasul Kategori NGO pada Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Wilayah Persekutuan di Masjid Wilayah Persekutuan, baru-baru ini.

Pengerusi Biro Pembangunan Wanita dan Belianya, Nor Hidayu Mohd Yusoff, berkata persatuan itu ditubuhkan bagi mengumpulkan seramai mungkin OKU penglihatan beragama Islam.

Ketika ini, 2,500 ahli berusia 18 tahun ke atas di seluruh negara dan pada masa sama mempelajari ilmu membaca al-Quran daripada guru di persatuan itu.

"Di Kuala Lumpur persatuan ini juga berada di lima wilayah iaitu Pahang, Kelantan, Terengganu, Kedah dan Sabah serta dalam proses untuk menambah lagi cawangan PERTIS di Sarawak.

"Saya percaya usaha giat dijalankan ketika ini juga membolehkan kami menerima Anugerah Khas Maulidur Rasul Kategori NGO," katanya.

Beliau berkata, pihaknya ketika ini diberi kepercayaan untuk mencetak Mashaf al-Quran Braille Malaysia (MBQM) menerusi mesin pencetak yang kini ditempatkan di PERTIS cawa-



Muhammad Qayyim Nizar Sarimi yang juga OKU penglihatan dinobatkan johan pada Majlis Penutupan Tilawah dan Menghafaz Al-Quran Peringkat Antarabangsa ke-63 di WTCKL pada 24 Ogos lalu. (Foto Saifulizlan Tamadi/BH)

ngan Brickfields.

Guna sistem wakaf

Al-Quran itu semua akan diserahkan kepada golongan yang memerlukan menerusi sistem wakaf oleh individu atau pihak korporat.

"Sebelum menyerahkan al-Quran ini kepada yang layak, kita akan mengajar mereka terlebih dahulu cara membaca al-Quran Braille, terutama yang langsung tiada asas.

"Namun, ada juga penerima ulangan kerana al-Quran ini tidak mampu bertahan lama berikutan hurufnya akan hilang, terutama bagi yang kerap mem-

bacanya seperti pelajar tahfiz," katanya.

Beliau yang juga tenaga pengajar al-Quran Braille berkata, antara usaha dilakukan pihaknya untuk mencari OKU penglihatan yang perlu diajar al-Quran dengan mengadakan pelbagai aktiviti dakwah di masjid dan surau serta kerjasama dengan institusi pengajian tinggi (IPT).

Dengan cara itu, orang ramai akan mengetahui mengenai kewujudan persatuan dan akan memaklumkan kepada individu istimewa di kawasan berkenaan.

"Malah, saya percaya masih ramai mereka yang belum mendapat ilmu agama khususnya mempelajari al-Quran, terutama di kawasan kampung kerana akses terhad," katanya.

Nor Hidayu berharap, objektif untuk menyebarkan dakwah terutama kepada OKU penglihatan akan dapat dijalankan secara berterusan dan terus mendapat sokongan terutama daripada komuniti setempat.


Katanya, ini kerana selain mahu golongan berkenaan mendapatkan ilmu sewajarnya, PERTIS juga mahu melahirkan OKU yang juga mampu menyumbang semula kepada masyarakat terutama dalam berdakwah.

"Kami juga berhasrat melahirkan ramai OKU penglihatan sebagai pendakwah atau ilmuwan agama dikenali ramai bagi menunjukkan kekurangan diri bukan halangan untuk berjaya kerana ia sama penting dengan ilmu yang lain," katanya.

Sebelum serahkan al-Quran ini kepada yang layak, kita akan mengajar mereka terlebih dahulu cara membaca al-Quran Braille terutama yang langsung tiada asas

Nor Hidayu Mohd Yusoff, Pengerusi Biro Pembangunan Wanita dan Belia PERTIS





TAJUK : PINKY FUN RUN PROMOSI GAYA HIDUP SIHAT

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 22

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM



Solehah Abdul Rahim (tengah) bersama keluarga menyertai Pinky Fun Run sempena Hari Klang Tanpa Kenderaan di Stadium Kota Raja, Klang pada 15 Oktober lalu. (Foto Faiz Anuar/BH)

Pinky Fun Run promosi gaya hidup sihat

Shah Alam: Inisiatif mempromosikan gaya hidup sihat dalam usaha mengurangkan penggunaan kenderaan di jalan raya yang menyebabkan pelepasan gas karbon monoksida hingga mencemari alam sekitar terus mendapat perhatian umum.

Di samping orang awam beriadah bersama keluarga dan rakan, Hari Tanpa Kenderaan anjuran Majlis Perbandaran Klang (MPK) bertemakan Pinky Fun Run turut memberikan penekanan kepentingan pengesanan awal dalam usaha meningkatkan kesedaran mengenai kanser payudara.

Program riadah santai ini menarik kira-kira 1,000 peserta, yang turut diserikan dengan keberangkatan Tengku Permaisuri Selangor, Tengku Permaisuri Norashikin berkenan menyertai larian bagi kategori tiga kilometer.

Rata-rata yang menyertai program itu begitu teruja dengan aktiviti riadah santai di hujung minggu seperti ini, malah ternanti-nanti program ini setiap bulan.

Peserta larian, Solehah Abdul Rahim, 37 tahun, berkata dia dan keluarga tidak melepaskan peluang menyertai program ini kerana bukan mudah untuk melihat bandar Klang bertukar wajah menjadi lokasi riadah keluarga berbanding hiruk-pikuk kesesakan jalan pada hari biasa.

"Saya gembira kalau ada Hari Tanpa Kenderaan sebab orang boleh jalan santai-santai bersama keluarga di hujung minggu, biasanya jalan sesak sana sini.

"Kebetulan ada saringan kanser payudara, sekaligus memberi sokongan kepada mereka yang sedang lawan penyakit ini.

"Saya gemar sertai larian bersama keluarga, manakala hari ini emak saudara dan sepupu

juga menyertai aktiviti sama," katanya baru-baru ini.

Amalkan gaya hidup sihat

Pejuang kanser, Azlinda Tammatulmadzi, 38, mengambil untuk terus aktif dengan aktiviti itu untuk kehidupan lebih baik.

"Saya didiagnosis kanser payudara pada 2019, ketika itu sedang mengandung anak keempat. Selepas bersalin, saya terus buat rawatan, termasuk kemoterapi, pembedahan dan terapi hormon.

"Kini saya sihat, ubah gaya hidup dan makan ubat," katanya.

Yang Dipertua MPK, Noraini Roslan berkata, kerjasama dengan Kesihatan Klinik Kesihatan Bukit Kuda Klang dan Pejabat Kesihatan Daerah bersempena dengan Bulan Kesedaran Kanser Payudara setiap Oktober, antara usaha memberikan kesedaran kepada penduduk Klang mengenai pengesanan kanser payudara pada peringkat awal, sokongan kepada mereka yang sedang melawan kanser, gaya hidup sihat serta pemakanan yang baik.

"Selam kita adakan program Klang Hari Tanpa Kenderaan diadakan di dua jalan utama iaitu Jalan Stesen dan Jalan Istana kawasan Jejak Warisan Klang.

"Ta bukan sahaja mengurangkan jumlah kenderaan di jalan raya sekali gus mengurangkan pencemaran udara.

"Kita dapat lihat impak positif apabila masyarakat Klang tanpa mengira latar belakang agama dan bangsa, umur, golongan tua dan muda berkumpul dan bersantai bersama keluarga dan rakan.

"Ini dapat mengeratkan perpaduan, dan keharmonian di antara masyarakat Klang berbilang kaum," katanya.



TAJUK : 101 KELUARGA MASIH DI LIMA PPS

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 18

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

BAH DI PERAK

101 keluarga masih di lima PPS

Ipoh: Sebanyak 347 mangsa daripada 101 keluarga masih ditempatkan di lima pusat pemindahan sementara (PPS) berikutan banjir di daerah Hilir Perak dan Kerian, Perak.

Sekretariat Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri Perak dalam satu kenyataan memaklumkan jumlah itu berkurang berbanding 349 penduduk daripada 103 keluarga, malam kelmarin.

Di daerah Hilir Perak, 168 orang daripada 49 ke-

uarga berada di PPS Dewan Serbaguna Padang Tembak manakala PPS Dewan Majlis Perbandaran Teluk Intan pula menempatkan 65 orang daripada 21 keluarga.

“Di PPS Dewan Serbaguna Chikus pula menempatkan seramai 34 mangsa daripada lapan keluarga.

“Bagi daerah Kerian pula seramai 80 orang masih berada di dua PPS masing-masing 23 orang (empat keluarga) di PPS

347

Jumlah mangsa daripada 101 keluarga masih ditempatkan di lima PPS berikutan banjir di daerah Hilir Perak dan Kerian

Sekolah Kebangsaan (SK) Changkat Lobak dan 57 orang daripada 19 keluar-

ga di di PPS SK Alor Pong-su,” katanya.

Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) pula memaklumkan Sungai Bidor di Changkat Jong berada pada paras amaran 3.46 meter.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) meramalkan kebanyakan daerah di Perak mengalami ribut petir dan hujan kecuali di Bagan Datuk yang diramalkan cuaca baik pada sebelah malam.



TAJUK : HUBUNGI IBU BAPA KALAU ANAK TIDAK DIHANTAR KE TASKA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 09

TONE : POSITIF

SEKTOR : KPWK

Hubungi ibu bapa kalau anak tidak dihantar ke taska

Kuching: Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWK) mewajibkan operator Taman Asuhan Kanak-Kanak (taska) dan Taman Didikan Kanak-Kanak (tadika) menghubungi ibu bapa dengan kadar segera jika ada kanak-kanak tidak hadir ke kelas seperti biasa.

Itu adalah antara peraturan baharu yang dilaksanakan dalam prosedur operasi standard (SOP) pengendalian taska dan tadika bagi mengelak kejadian ibu bapa tertinggal anak di dalam kereta.

Menteri KPWK Datuk Seri Nancy Shukri berkata, langkah itu dilaksanakan susulan kekerapan kes kanak-kanak maut selepas ibu bapa yang terlupa dan meninggalkan mereka di dalam kereta.

Menurutnya, taska dan tadika juga perlu mendapatkan nombor telefon tambahan kalangan ahli keluarga kanak-kanak selain ibu bapa bagi membolehkan tindakan segera diambil jika berlaku kecemasan.

"KPWK memperbaharui SOP susulan tiga kes kanak-kanak maut selepas tertinggal di dalam kereta dalam tempoh dua bulan ini.

"Operator taska atau tadika wajib menghubungi ibu atau bapa jika ada kanak-kanak tidak hadir ke kelas kerana ia mungkin berlaku disebabkan salah faham seperti kemungkinan biasanya ibu yang menghantar anak tetapi pada hari itu tiba-tiba bapa pula yang menghantar dan dia terlupa ke taska sebaliknya terus ke pejabat dengan anaknya terkunci di dalam kereta," katanya.

Beliau berkata demikian kepada media selepas Majlis Malam Media Bersama Datuk Seri Nancy Shukri anjuran KPWK dan Parlimen Santubong di sini, malam kelmarin.

Nancy berkata, berikutan kekerapan kejadian kanak-kanak maut selepas tertinggal di dalam kereta, KPWK menerima pelbagai reaksi serta cadangan daripada orang ramai bagi mengatasi masalah itu.

"Tetapi banyak cada-



Operator taska atau tadika wajib menghubungi ibu atau bapa jika ada kanak-kanak tidak hadir ke kelas"

Nancy

ngan itu bukan di bawah bidang kuasa KPWK seperti melarang penggunaan cermin kereta gelap.

"Apa yang kami laksanakan ialah memperbaharui SOP taska dan tadika manakala yang lain seperti cermin kereta gelap itu bidang kuasa Kementerian lain," katanya.


Sementara itu, Nancy berkata, Jabatan Pembangunan Kanak-Kanak (JPKK) yang ditubuhkan pada 1 September lalu akan diletakkan di bawah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sehingga 2026.

Ini kerana, katanya, beberapa perkara perlu diselesaikan antaranya pengisian perjawatan selain meminda beberapa akta berkaitan.

"Bagi pengisian jawatan, untuk tahun ini kami mengiklankan 169 jawatan dan sudah menerima sebanyak 11,000 permohonan, proses temu duga dijalankan berterusan.

"Tahun 2024 dan 2025 pula sebanyak 245 jawatan perlu diisi, sebab itu JPKK hanya akan mempunyai Ketua Pengarah sendiri dan keluar dari JKJ pada 2026," katanya.

Mengenai Tribunal Anti Gangguan Seksual, Nancy berkata, beliau sudah berbincang dengan Peguam Negara, Datuk Ahmad Terrirudin Mohd Salleh, berhubung 20 perjawatan yang perlu diisi.



TAJUK : KATA-KATA NISTA BAKAR SEMANGAT!

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 05

STONE : POSITIF

SEKTOR : KPWKM

lokal



SYAKIR gemar memuat naik video rutin hariannya di TikTok.

Oleh Redzuan
Muharam
am@hmetro.com.my

Bentong

Dahlah cacat, tak sedar diri pula tu." Itu hinaan pernah dilemparkan individu tidak dikenali terhadap orang kurang upaya (OKU) fizikal, Syakir Shafie, 35, di ruangan komen dalam akaun TikTok kerana berkongsi rutin hariannya. Kata nista itu bagaimanapun tidak melemahkan semangat Syakir kerana lebih ramai menyokong daripada yang melemparkan kecaman dan buktinya, Syakir sudah mengumpul 337,000 pengikut di TikTok.

Berkongsi kisahnya, Syakir yang menetap di Felda

Kata-kata nista bakar semangat!

Lelaki OKU terima sokongan orang ramai dengan memiliki 337,000 pengikut di TikTok

Chemomoi, Pelangi di sini berkata, dia disahkan menghidap penyakit tulang mudah patah terutama daripada paras pinggang ke bawah ketika berusia dua bulan.

Berikutan itu, Syakir yang juga anak ketujuh daripada lapan beradik perlu menggunakan kedua tangannya untuk bergerak.

Menurutnya, kakak su-

lungnya, Nur Azah Shafie, 53, dan kakak kedua, Faysiah Shafie mengalami masalah sama.

"Bagaimanapun, kakak kedua meninggal dunia ketika berusia 15 tahun hampir 40 tahun lalu iaitu sebelum saya dilahirkan lagi.

"Jadi kini, tinggal saya dan kakak sulung yang perlu meneruskan hidup dalam keadaan begini.

"Menurut doktor, penyakit saya tak ada harapan untuk sembuh, malah tiada rawatan atau pembedahan yang sesuai namun saya pernah menjalani sesi fisioterapi sehingga berumur lapan tahun.

"Tapi saya tak teruskan kerana diberitahu ia (fisioterapi) tak membantu menguatkan tulang saya pun," katanya ketika dihubungi

Harian Metro.

Menurut Syakir, dia reda dengan ujian diberikan Allah SWT kerana mengangap ia bahagian untungnya.

Dia juga bersyukur kerana keluarga terutama ibu, Ramlah Hashim, 75, dan bapa, Shafie Ishak, 78, banyak memberi sokongan kepadanya.

"Alhamdulillah, saya dikelilingi orang yang positif kerana rakan pun tak pernah ejek waktu di sekolah dulu. Cuma, kekurangan diri ini memang membataskan saya untuk lakukan perkara yang orang lain boleh lakukan seperti bersukan, buat kerja lasak dan banyak lagi.

"Selain itu, keadaan diri juga menyebabkan saya tiada keberanian mendekati wanita walaupun ada keinginan berkahwin seperti


lelaki lain tambahan suara saya macam perempuan.

"Pernah juga dulu berkahwin rapat dengan wanita tetapi tak lama namun saya anggap tiada jodoh antara kami," katanya.

Syakir berkata, buat masa ini, dia menerima elaun bulan sebanyak RM450 sumbangan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Saya belajar setakat tingkatan lima dan hanya ada kelulusan peringkat Sijil Pelajaran Malaysia (SPM). Jadi, memang tak ada kerja tetap ditambah dengan keadaan fizikal saya yang menyukarkan majikan untuk beri peluang pekerjaan.

"Bagaimanapun, saya tak suka duduk diam jadi usaha juga ambil upah jual barang dalam talian bagi menambah duit poket," katanya.



TAJUK : ROTAN ANAK TIRI PEREMPUAN SAMPAI CEDERA

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 14 NOV 2023

M/SURAT : 03

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWKM

Batu Pahat: Seorang penghantar makanan didakwa di Mahkamah Majistret di sini, semalam atas pertuduhan merotan anak tiri perempuan hingga cedera dalam kejadian di sebuah rumah di Peserai, dekat sini, Mei lalu.

Tertuduh, Muhammad Mirza Hasnul Hadi, 25, bagaimanapun membuat pengakuan bersalah sebaik pertuduhan dibaca oleh jurubahasa di hadapan Majistret Suhaila Shafi'uddin.

Mengikut kertas pertuduhan, tertuduh didakwa menganiayai anak tiri perempuan berusia lima tahun hingga mangsa cedera fizikal di belakang dan kaki.

Kejadian berlaku apabila

Rotan anak tiri perempuan sampai cedera



ANGGOTA polis mengiringi keluar Muhammad Mirza yang mengaku bersalah merotan anak tirinya.

tertuduh menggunakan rotan mencederakan anak tirinya di rumah di Mukim 3, Peserai pada jam 11 malam, 20 Mei lalu.

Berikutan itu, dia didakwa mengikut Seksyen 31 (1) (a) Akta Kanak-Kanak 2001 (Akta 611) dan boleh dihukum mengikut Seksyen 31 (1) akta sama.

